

26 APR 1997

Mahathir-MB

MAHATHIR DAPAT MANDAT SEMUA PIHAK UNTUK PILIH MB BARU SELANGOR

SHAH ALAM, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mendapat mandat daripada semua pihak termasuk Sultan Selangor untuk memilih Menteri Besar Selangor yang baru.

Katanya beliau telah menerima sokongan Sultan Selangor, badan perhubungan Umno negeri, barisan exco negeri dan juga bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dalam soal pelantikan itu.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan kereta sports TVR Chimaera di litar lumba Shah Alam hari ini.

Dr Mahathir juga telah mengadakan pertemuan selama satu jam setengah dengan badan perhubungan Umno Negeri yang diketuai Timbalan Pengerusi Datuk Haji Abu Hassan Omar di Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Menjawab soalan pemberita bilakah beliau akan mengumumkan bakal menteri besar itu, Perdana Menteri berkata: "Ia bergantung kepada banyak mana masa yang saya ada."

Isnin lepas, Dr Mahathir telah mengadakan perjumpaan dengan anggota-anggota exco negeri sebelum menghadap Sultan Selangor mengenai pelantikan Menteri Besar baru itu.

Dr Mahathir selepas menghadap Sultan berkata beliau memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan mengenai pelantikan itu.

Muhammad meletak jawatan pada 14 April ekoran menghadapi dua tuduhan di mahkamah Australia kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai bersamaan nilai RM2.4 juta yang dibawanya di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis lepas dan membuat pengisytiharan palsu.

-- BERNAMA

ZAB RON